



SABAH, MALAYSIA
Warta Kerajaan

KELUARAN KHAS

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXVII]

KOTA KINABALU, SELASA, 7 JUN 2022

[No. 23

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 119

[No. DUNS: [S]600-8/1(143)]

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KEENAM BELAS

PENGGAL KETIGA

PENGISYTIHARAN

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Seri Utama Mahkota Wilayah, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini memanggil Dewan Undangan Negeri Sabah supaya bersidang dan MENETAPKAN 18, 19, 20 & 21 JULAI 2022 pada pukul sepuluh pagi sebagai tarikh dan masa bagi mengadakan MESYUARAT KEDUA dalam Penggal KETIGA Dewan Undangan Negeri Sabah Yang KEENAM BELAS bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 4, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 2 haribulan Jun 2022.



TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR,
Ketua Menteri Sabah.

